



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di **Universiti Teknologi MARA** bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

**JAWATAN :** 1. **PENSYARAH UiTM GRED DM41 / DM45 / DM51 / DM53 (PROFESOR MADYA) / GRED KHAS C (PROFESOR) SECARA TETAP/KONTRAK**

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan  
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional

2. **PENOLONG PENSYARAH UiTM GRED DM29 SECARA TETAP/KONTRAK**

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan  
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan 1 (Akademik)

### JADUAL GAJI MATRIKS :

Gred DM29	:	P1T1	RM1237.83	-	P1T26	RM3063.45
	:	P2T1	RM1305.89	-	P2T26	RM3250.92
	:	P3T1	RM2742.25	-	P3T26	RM3444.63
Gred DM41	:	P1T1	RM1876.74	-	P1T25	RM4645.84
	:	P2T1	RM1979.71	-	P2T25	RM4924.12
	:	P3T1	RM2086.66	-	P3T25	RM5226.18
Gred DM45	:	P1T1	RM2546.05	-	P1T21	RM5484.96
	:	P2T1	RM2642.06	-	P2T21	RM5788.25
	:	P3T1	RM2742.25	-	P3T21	RM6113.85
Gred DM51	:	P1T1	RM4573.47	-	P1T10	RM6439.44
	:	P2T1	RM4789.15	-	P2T10	RM6730.44
	:	P3T1	RM5013.18	-	P3T10	RM7029.45
Gred DM53 (Prof. Madya)	:	P1T1	RM4842.03	-	P1T10	RM6797.08
	:	P2T1	RM5057.71	-	P2T10	RM7117.13
	:	P3T1	RM5281.74	-	P3T10	RM7448.31
Gred Khas C (Profesor)	:	RM6595.99		-	RM8247.94	

Fakulti / Bidang :

GUGUSAN : SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN			
FAKULTI MUZIK			
BIDANG	GRED JAWATAN	BIDANG	GRED JAWATAN
<b>A. Persembahan</b>		<b>B. Composition</b>	
• Piano	DM45 / DM51 / DM53	• Film Scoring	DM45 / DM51 / DM53
• Classical guitar	DM45 / DM51 / DM53	• Classical Composition	DM45 / DM51 / DM53
• Modern Guitar	DM45 / DM51 / DM53		
• Bass Guitar	DM45 / DM51 / DM53	<b>C. Ethnomusicology</b>	
• Double Bass	DM45 / DM51 / DM53	• Malaysian Traditional Music	DM45 / DM51 / DM53
• Oboe	DM45 / DM51 / DM53		
• Clarinet	DM45 / DM51 / DM53	<b>D. Muzik Teknology</b>	
• Bassoon	DM45 / DM51 / DM53	• Komputer Muzik	DM45 / DM51 / DM53
• Percussion	DM29 / DM41 / DM45		
• Drums	DM29 / DM41 / DM45		
• Violin	DM29 / DM41 / DM45		
• Viola	DM29 / DM41 / DM45		
• Cello	DM29 / DM41 / DM45		
• Flute	DM29 / DM41		
• Alto Saxophone	DM29 / DM41		
• Tenor Saxophone	DM29 / DM41		
• Trumpet	DM29 / DM41		
• French Horn	DM29 / DM41		
• Trombone	DM29 / DM41		
• Tuba	DM29 / DM41		
• Keyboard	DM29 / DM41		

## Syarat-syarat kelayakan:

### A. PENOLONG PENSYARAH UiTM

#### 1. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM29

- (a) (i) Sijil dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM29: P1T1);
- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### B. PENSYARAH UiTM

#### 2. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM41

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41 : P1T1)
- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### 3. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM45

- (a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda **dan** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: P1T4)
- (b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### 4. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM51

- (c) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

#### 5. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM53 (Profesor Madya)

- (d) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

#### 6. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred Khas C (Profesor)

- (e) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

**Nota :** Keutamaan diberi kepada calon-calon yang memiliki kelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang-bidang yang berkenaan.

#### PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
2. Calon-calon kenaikan pangkat secara lantikan hendaklah berumur **kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.**
3. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMASKINI.**

4. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **disahkan**:
  - Kad Pengenalan
  - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Trankskrip Akademik Terperinci)
  - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji
  - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
5. Nama bidang dan Fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjurong atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
6. Keutamaan diberi kepada calon-calon yang memiliki **CGPA 3.00** dan ke atas untuk **Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan**.
7. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak **tidak akan diproses**.
8. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga.
9. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
10. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di kampus-kampus cawangan.

## PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA** yang boleh didapati sendiri di **Bahagian Pengurusan Perjawatan, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam** atau boleh juga diperolehi dengan melayari **laman web UiTM** di <http://www.uitm.edu.my>

Tarikh tutup permohonan ialah pada hari **ISNIN, 3 MAC 2008**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

**PENDAFTAR  
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERJAWATAN  
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
NO.TEL: (03) 55443077 / 55211314  
EMAIL: [perjawatan@salam.uitm.edu.my](mailto:perjawatan@salam.uitm.edu.my)**

